

Lombong emas kelebihan DAP di Raub
Malaysian Insider
April 21, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

RAUB, 21 April — Lombong emas yang besar di Raub ternyata menjadi kelebihan kepada DAP untuk menawan kubu kuat Barisan Nasional (BN) itu dalam Pilihan Raya 2013.

Beberapa penduduk berkata kepada The Malaysian Insider selepas enam tahun berjuang untuk menutup lombong tersebut, harapan yang ada hanyalah menyingkirkan BN dari Putrajaya dan menyerahkan kerusi Raub kepada koleksi kerusi Parlimen Pakatan Rakyat (PR).

Bagi penduduk Cina Raub, kaum bukanlah satu isu. Apabila DAP menamakan Datuk Mohd Ariff Sabri (gambar), atau lebih dikenali sebagai Sakmongkol AK47, mereka hanya melihat simbol yang ditandinginya, bukanlah warna kulit.

"MCA memberi janji kosong. Mereka kata akan tolong kami berkenaan sianida tetapi sampai sekarang tiada apa yang berlaku.

"Tak kira beliau Melayu, asalkan beliau mewakili kepentingan kami, kata suri rumah berusia 57 tahun, Yap kepada The Malaysian Insider ketika ceramah Mohd Ariff di Cheroh malam tadi.

Penduduk Bukit Koman menegaskan mereka terdedah kepada kadar sianida yang membahayakan daripada lombong emas Australia di Raub, namun dinafikan BN dengan mengatakan ianya adalah tuduhan pembangkang.

Cyanide Action Committee (BCAC), menganggarkan sekitar 3,000 penduduk Bukit Koman terdedah kepada konsentrasi hidrogen sianida sekitar 0.5 kepada 0.8ppm setiap hari.

Namun disebabkan kebanyakan daripada mereka adalah masyarakat Cina, seorang aktivis BCAC berkata ia memberi kelebihan kepada BN untuk mendiamkan perkara itu.

Bagaimanapun, tindakan DAP meletakkan Mohd Ariff di sini dan janjinya untuk menyelesaikan isu itu jika PR berkuasa selepas 5 Mei membuktikan dakwaan kempen BCAC sebagai bersifat perkauman.

"Hanya Umno melihat ia sebagai perkauman. Bagi kami itu bukan isunya...sebab itu kami ada Sakmongkol di sini. Beliau akan menjelaskan segalanya," kata Hue, pesara berusia 67 tahun di Bukit Koman kepada The Malaysian Insider.

Ketika ceramahnya, bekas Ketua Penerangan Umno Pekan itu berkata kepada masyarakat Cina agar tidak terpengaruh dengan taktik perkauman dimainkan BN dan menjelaskan mereka telah diabaikan MCA walaupun menyokong mereka.

"Kamu ada menteri tapi dia langsung tidak berbuat apa-apa untuk Bukit Koman?," katanya merujuk kepada Naib Presiden MCA Datuk Seri Ng Yen Yen yang memenangi kerusi tersebut pada Pilihan Raya 2008 dengan hanya 2,000 majoriti.

Salah seorang daripada penduduk berkata beliau melihat Mohd Ariff ikhlas sejak meninggalkan Umno, dan warna kulitnya tidak menjadi isu kepadanya.

"Rakyat mengundi untuk parti, bukan calon. Kaum bukan isu. Boleh juga letak pemimpin PAS dan saya akan undi dia," katanya dan menambah, taktik MCA mengatakan DAP menyokong hudud tidak akan berjaya.

Mohd Ariff akan menentang calon MCA Datuk Hoh Khai Mun. Jentera DAP yakin mereka akan berjaya menawan undi pengundi Cina dan kini berusaha menawan undi Melayu yang sukar untuk dimenangi PR.

Mohd Ariff berkata isu sianida Bukit Koman akan menjadi perhatian dalam pertempuran di Raub. PR telah berjanji untuk menggantung kerja kilang berkenaan dan menjalankan kerja penyiasatan terhadap kesan terhadap alam sekitar.

Gas hidrogen csianida digunakan oleh Nazi Jerman ketika peristiwa Holocaust dan digunakan ketika perang Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Januari lalu Menteri Kesihatan menolak tiga daripada lima pakar yang dipilih BCAC untuk kajian bersama panel kementerian bagi menyiasat kesan sampingan kilang berkenaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lombong-emas-kelebihan-dap-di-raub/>